

02/09/1999

Rizab boleh tampung pengeluaran

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kebimbangan akan berlaku pengeluaran dana asing secara besar-besaran dari Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini, nyata tidak berasas.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kemerosotan yang dicatat di BSKL, 14.15 mata, tidak membimbangkan.

"Saya tidak nampak apa-apa yang luar biasa. Ia tidak begitu buruk. Pada masa mula-mula ia menjunam sehingga 1,200 mata, daripada 800 (mata), 600, 300 ia menjunam lebih dahsyat lagi.

"Kita memang menjangka ia jatuh. Jika pelabur ingin membawa keluar wang mereka, kami berjanji mereka boleh membawanya keluar dan membenarkan mereka membawa keluar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa di sini, hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, keadaan sukar diduga kerana masih terlalu awal, tetapi kerajaan mempunyai rizab yang lebih daripada mencukupi bagi menampung sebarang pengeluaran dana.

Beliau menjangka jumlah maksimum yang mungkin dibawa keluar oleh pelabur asing adalah sekitar AS\$3 bilion (RM11.4 bilion) hingga AS\$4 bilion (RM15.2 bilion).

"Antara tempoh 15 September (tahun lalu) dan 15 September ini, terdapat peningkatan 60 peratus dalam rizab kita. Tidak seperti negara lain, kita mengekalkan rizab pada AS\$20 bilion (RM76 bilion) dan sekarang ia pada AS\$32 bilion (RM121.6 bilion) .

"Ini adalah mencukupi bagi kita untuk membiayai tujuh bulan perbelanjaan negara. Kita juga boleh membiayai import kita bagi tempoh itu. Selalunya mana-mana negara hanya mempunyai rizab untuk perbelanjaan bagi tempoh tiga atau empat bulan saja," tegasnya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan tidak bercadang mengubah struktur levi keluar sekarang kerana ia memadai.

"Tidak, kita sudah melakukan yang sepatutnya. Mereka boleh membawa keluar wang mereka, sebab bila mereka datang ke negara kita, mereka melabur dan sudah pasti membuat keuntungan.

"Dan bila mereka membawa keluar semula, apa yang kita dapat? Kita patut bertanya pada diri kita sendiri apa yang kita dapat.

"Mereka beli saham kita dan buat untung yang memang hak mereka, tetapi apabila saham meningkat, mereka menjualnya serta mendapat keuntungan modal dan kita tidak dapat sesen pun," katanya.

Levi keluar dikenakan pada 15 Februari lalu, bagi membolehkan penghantaran pulang keuntungan modal dari pelaburan selepas dikenakan kawalan terpilih pada 1 September tahun lalu.

Ditanya sama ada pertumbuhan satu peratus yang diramalkan oleh kerajaan akan dikaji semula, Dr Mahathir berkata kerajaan harus meneliti pencapaian suku ketiga dulu.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir menegaskan, dunia perlu mengadakan reformasi terhadap sistem kewangannya jika ingin mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih stabil.

"Saya harap dunia kini sudah dapat menerima hakikat itu dan menyedari, kecuali mereka mengubah sistem itu, bukan hanya Malaysia tetapi dunia keseluruhan akan turut menderita," katanya.

(END)